

RIWAYAT HIDUP ULAMA ISLAM YANG KEBILANGAN

Perdirian Imam al-Rāzī
Terhadap Tafsir al-Quran al-Karim

Di dalam siaran penutup ini ada digambarkan falsafah “al-Rāzī” dan caranya mentafsirkan al-Quran al-Karim, bukan sahaja menggunakan akal bahkan bersandar kepada ilham dan kasyaf seperti huraiyan yang dipaparkan di dalam kitab tafsirnya “Mafātīḥ al-Ghayb”.

Di dalam wasiatnya yang direncanakan kepada muridnya Ibrāhīm al-Asfahānī, al-Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī berkata: Akal manusia menjadi lemah apakala berhadapan dengan kebesaran Allah Ta‘ālā, dan tidak ada jalan bagi mengenal al-Quran al-Karim dan mengetahui tafsir melainkan dengan melalui jalan ilham dan kashaf tasawwuf.

Imam al-Rāzī, meskipun kerap kali berada dalam keadaan ahli tasawwuf dan orang yang mendapat ilham daripada Allah, tetapi ia adalah juga menggunakan akalnya dalam mentafsirkan ayat-ayat Quran dan membentangkan sebab-sebab turunnya dengan tenang, serta mengupas pecahan-pecahannya dari segala segi, dengan bersandar pada menyokong fikirannya atas hadis-hadis Nabi dan huraiyan imam-imam yang kebelakangan dan al-Salaf al-Salih. Setelah itu ia akan menguatkan semuanya dengan fikiran yang benar dan qiyas yang betul.

Memang akal itu menghampaskan kita pada memerhati kebesaran alam yang terbentang luas, dan tidak menolong kita pada memaham kesenian dan kehalusannya. Jaguh-jaguh ilmu pengetahuan pada hari ini berterus-terang menerangkan: Bahawa ilmu pengetahuan yang telah dikaji dan diperbuat undang-undangnya dengan betul seperti *falak*, *kīmiā*, dan *al-ṭabī‘iyāt* (ilmu kejadian-kejadian)


makin dikaji dengan sedalam-dalamnya, makin nyata kelemahan akal manusia.

Hal ini telah diterangkan oleh “Arnest Makh” ahli pengetahuan yang terkenal dengan katanya:

“Tatkala kita berjaya memaham suatu kejadian alam yang zahir, maka setinggi-tingginya yang kita lakukan ialah kita menyatukan suatu perkara yang luar biasa dan tidak difaham kepada suatu perkara biasa yang tidak difaham”.

Henry Boancarih seorang ahli pengetahuan berkata: “Kalau manusia ada baginya dua mata yang mempunyai kuasa seperti mikroskop, tidak juga ia terdaya melihat rahsia undang-undang alam kerana undang-undang itu adalah sentiasa membubung tinggi dari tunduk untuk dikaji dengan sehalus-halusnya”.

Undang-undang alam sekarang menurut pandangan ahli-ahli pengetahuan, tidaklah lain daripada pengagakan jua. Ilmu falsafah telah timbul lebih dahulu daripada ilmu pengetahuan dalam soal itu. “Kant” ahli falsafah yang terkenal dalam mengupas rahsia akal telah meletakkan had kuasa akal dalam tiap-tiap perkara. Menurut fahaman Kant, Schopenhauer, dan Shablekh, bahawa akal itu ialah sebahagian kecil daripada bahagian-bahagian



Sebuah masjid yang indah, cogan kebudayaan Islam di India.

hidup. Fahaman ini disokong oleh Ferguson seorang ahli falsafah Perancis yang mengatakan bahawa bukanlah akal yang berkuasa atas wujud manusia, malahan maklumat-maklumat yang yang penting adalah berpunca daripada perasaan bukan daripada akal.

Demikianlah, jelas kepada kita bahawa ilmu pengetahuan yang betul, ilmu falsafah dan ilmu jiwa, kesemuanya telah terpaksa meninggalkan fahaman yang mengatakan bahawa tiap-tiap perkara dalam dunia ini boleh ditafsirkan dengan akal.

Oleh kerana semua agama terdiri di atas kekuatan yakin dan iktikad, dan oleh kerana tabiat agama Islam dan kitab Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā terdiri di atas iktikad

tawhid sambil mencari sokongan akal, maka kedapatan al-Imam al-Rāzī menumpukan sepenuh-penuh usahanya dalam lapangan ini menurut ilham dan mentafsirkan al-Quran al-Karim, kerana cara yang demikian adalah mengeluarkan diri dari kawasan kebendaan kepada alam roh dan kesucian.

Dengan akalnya yang besar ini al-Rāzī telah memandang lautan hidup dengan tidak dihanyutkan oleh banjirnya, bahkan ia telah tinggal berdiri di tepi pantai memerhati pukulan ombak hidup dan pasang surutnya, lalu mengambil kesimpulan bahawa akal manusia sangat lemah pada memahami rahsia hidup. Pengertian ini telah menggerakkan al-Rāzī menentang

puak yang memuja kebendaan dengan hujah-hujah tersebut.

Ahli-ahli falak masih berkata: Bahawa alam ini ialah ibarat undang-undang jarum-jarum di langit. Ahli kimia pula berkata: Bahawa alam ini ialah *Jawhar al-Farid*. Manakala ahli falsafah alam tabī‘ī pula mengatakan: Bahawa alam ini ialah undang-undang yang terdiri dari kekuatan dan tenaga. Semuanya itu betul, tetapi dengan nisbah yang tertentu dan kepada had yang tertentu. Apakala mereka bertanya: “Mengapa “benda” itu tertentu dengan undang-undang “penarik dan penolak”? Mengapa gerakan jarum-jarum di langit dan penarikan bendanya ada mempunyai kuasa dalam susunan alam ini? Mengapa “benda” itu terjadi daripada zarah-zarah *Jawhar al-Farid*?

Mereka tidak dapat menjawab melainkan dengan jawapan

yang mereka pandang menyenangkan dan dapat mengeluarkan mereka daripada kesempitan akal, dengan mengatakan: Begitulah menurut kehendak Allah. Di samping teori kecaman yang telah dicipta oleh al-Rāzī, dan di samping faham yang berdasarkan ilmu pengetahuan yang menjadikannya terkenal sebagai seorang jaguh Islam, kita dapati ia menegaskan bahawa alam ini tidak lain daripada alam ilham dan wahyu batin, dan bahawa kehidupan batin itu tetaplah kelebihannya atas kehidupan yang nyata.

Atas asas inilah terdiri falsafah al-Imam Fakhr al-Dīn al-Razi dalam mentafsirkan kalam Allah, apatah lagi telah dibukakan Allah Ta‘ālā hatinya, dan dimudahkan gerak usahanya.



Suatu pemandangan yang indah di bandar Karachi ibu negeri Pakistan.